

RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



PERUBAHAN LANDSKAP PEMILIHAN BUKU: BACA DAN KONGSI MELALUI VIDEO KREATIF

**Shahril Anuar Abdul Ghalim &
Muhammad Nabihan Abu Bakar**

Baru-baru ini penulis sempat singgah di sebuah kedai buku yang agak popular dari segi kehadiran pengunjung dan penawaran pelbagai judul buku. Rata-rata pengunjung yang hadir terdiri dari golongan remaja dan tak kurang juga bersama dengan keluarga. Walaupun kedai buku tersebut berada dalam sebuah pasaraya terkemuka dan lebih terarah kepada aktiviti membeli-belah barangan keperluan harian, namun ternyata amalan membaca dan minat untuk mendapatkan bahan bacaan masih menjadi antara keutamaan mereka yang berkunjung disitu.

Dari gelagat pengunjung, dapat dilihat dengan jelas bahawa mereka bukan sekadar singgah tanpa tujuan tetapi mempunyai matlamat untuk memiliki bahan bacaan.

Cuma ada sedikit perbezaan jika gelagat tersebut dilakukan perbandingan dengan keadaan ketika zaman remaja penulis. Zaman teknologi yang serba pantas dalam memperoleh segala informasi yang diinginkan telah mengubah banyak corak kehidupan masyarakat dan antaranya adalah corak mendapatkan bahan bacaan atau dengan kata mudah, bagaimana untuk membuat pilihan buku yang menepati citarasa dan keinginan seseorang individu apabila pergi ke kedai buku terutamanya dikalangan remaja.

Suatu ketika dahulu tatkala sebelum wujudnya pelbagai platform media baharu, golongan remaja yang ingin mendapatkan bahan bacaan terutamanya novel yang senantiasanya tumbuh bercambah harus melalui proses cari, baca dan beli. Mereka akan bertindak untuk pergi ke kedai buku dan memulakan langkah untuk mencari buku yang diinginkan. Jika mereka ingin mencari novel sebagai contoh, maka dengan bersandarkan tajuk, sinopsis di bahagian belakang buku, nama penulis kegemaran dan kemampuan dari segi harga yang terpapar.

Dan ada juga yang ingin menambahkan kepastian atau keyakinan untuk memiliki naskah berkenaan akan membuat sedikit pembacaan sepintas lalu ketika itu. Maka akan kelihatan ada yang berdiri berhampiran rak dan duduk di lantai seketika bagi mendapatkan gambaran awal jalan cerita novel tersebut. Dan seandainya novel tersebut berjaya menarik minat maka barulah proses pembelian berlangsung.

Agak mencuit hati juga bila terkenangkan zaman tersebut kerana bayangkan jika ramai pengunjung ketika itu maka akan kelihatan berbarislah mereka membaca. Dan tak mustahil ada juga yang membaca tanpa membeli kerana tidak menepati citarasa mereka atau kerana kekangan kewangan.

Kini, pemandangan tersebut jarang kelihatan. Hampir tiada lagi kesesakan di rak buku, tiada pemilihan tajuk secara tatapan mata, tiada yang membuat pembacaan ringkas, dan kebanyakan pemilihan bukan lagi dilakukan di kedai buku. Landskap atau definisi pencarian buku telah berubah gayanya.

Tanpa hadir, seseorang itu mampu untuk mendapatkan informasi yang diinginkan di pelbagai platform media baharu yang tersedia. Banyak tips dan maklumat berkaitan buku mampu untuk diperoleh melalui persembahan teks ataupun video ringkas. Maklumat diberikan secara jelas dan penuh dengan gambaran visual.

Ringkasnya, ramai yang telah menggunakan pelbagai platform digital untuk berkongsi maklumat berdasarkan pengalaman pembacaan sendiri sebagai galakan kepada yang lain mendapatkannya. Perkongsiannya termasuklah pengenalan sesebuah buku yang baru, ulasan ringkas tentang isi kandungan, dan maklumat lain yang mampu menarik minat golongan sasaran untuk memiliki naskah berkenaan terutamanya novel yang mampu untuk diterjemahkan dengan kepelbagaian gaya.

Kebiasaannya, penerangan dilakukan secara pengucapan umum secara langsung di mana individu atau pempengaruh akan memberikan tips dan pendapat berbentuk informasi bagi menarik minat pembaca. Kepetahan percakapan dan gaya penyampaian amat dititikberatkan dalam membentuk keyakinan golongan sasar.

Ada juga yang menggunakan pendekatan pengalaman peribadi atau sudut pandangan (POV) dalam menarik minat pembaca. Mereka menggunakan pendekatan sorotan babak pendek yang mampu untuk menterjemahkan perasaan yang akan dialami jika khalayak membaca buku tersebut dari sudut perasaan. Digarapkan emosi yang bakal dijanjikan kepada golongan potensi pembaca.

Ada yang membuat rakaman video ringkas suasana sebelum, ketika dan sesudah selesai pembacaan. Penggunaan kronologi persekitaran pembacaan merangkumi reaksi muka, bahasa tubuh, lantunan suara, dan alunan muzik latar dilakukan dengan menarik.

Ada juga menyediakan klip-klip video pendek gambaran dari segi visual lakaran lukisan wajah watak-watak utama yang ada dalam novel misalnya. Penggunaan watak khayalan yang bersesuaian bagi menimbulkan suasana dan jelmaan realiti seperti watak seorang tentera, guru, petani, ahli sukan atau lain-lain misalnya mampu untuk mewujudkan mood pembacaan.

Pembaca mendapat gambaran lakaran berupa lukisan untuk dijadikan panduan dalam menimbulkan imaginasi ketika sebelum memulakan pembacaan. Bahkan kronologi babak juga dipersembahkan agar melengkapi gambaran ringkas berkenaan jalan cerita.

Dan tak kurang juga menjelaskan secara ringkas iaitu dengan penggunaan gambar sesebuah buku yang disulam dengan pengisian teks penerangan. Padat dan ringkas serta dibantu dengan ilustrasi yang menarik mampu untuk menjelmakan minat tanpa perlu masa yang panjang.

Maka, jika di kedai buku nanti jangan berasa hairan bilamana ada seseorang yang datang dan tanpa berlengah mencapai buku lalu terus ke kaunter pembayaran bagi tujuan pembelian. Hal ini kerana semua maklumat awal buku hinggalah ke lokasi kedai yang menjual buku tersebut juga diperkenalkan.

Begitulah suasana katika ini iaitu kesemuanya dilakukan secara kreatif dan suatu pendekatan positif dalam memberikan maklumat terhadap sesuatu bahan bacaan. Yang pasti masyarakat harus bersedia menggunakan segala yang diperoleh untuk membuat keputusan yang tepat.